

19 NOV 2000
LID-MAHATHIR
DR MAHATHIR MINTA DITUBUHKAN RANGKAIAN PEMANTAU

LANGKAWI, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta supaya diwujudkan satu rangkaian di kalangan negara-negara membangun untuk memantau sebarang keburukan yang boleh menjejaskan ekonomi mereka.

Ini boleh dilakukan melalui kerjasama antarabangsa yang diperkukuhkan dengan setiap negara tanga mengira saiz atau kekuatan ekonomi mereka boleh menyuarakan pendapat mereka, kata beliau di pembukaan Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 di sini dengan tema utamanya bertumpu kepada perkongsian pintar.

Sambil meminta para peserta dialog itu untuk terlibat dalam rundingan yang akan membentuk masa depan negara mereka dan takdir anak-anak mereka, Dr Mahathir berkata biarkan ia menjadi waktu paling sesuai bagi kita meninjau dengan cermat sama ada kita dapat capai bersama apa yang kita tidak dapat buat secara bersendirian.

"Semangat Perkongsian Bestari, sebuah entiti yang boleh berfungsi dan menjanjikan keputusan sebenar dan nyata," katanya

Majlis perasmian itu disusuli oleh majlis makan malam yang dihadiri oleh ketua-ketua kerajaan dari beberapa negara Afrika termasuk Presiden Joaquim Chissano dari Mozambique, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe dan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma.

Dr Mahathir berkata, ekonomi-ekonomi membangun mesti bangun hadapi realiti akan ketiadaan keupayaan untuk menjana kekayaan dan pembangunan berkekalan dalam persekitaran undang-undang ekonomi yang tidak boleh disangkal dan kuasa pasaran yang tidak dapat dikawal.

Untuk menghentikan kitaran kejam ini, negara-negara membangun mesti memastikan semua sumber yang ada digunakan dengan bijak.

"Kita perlu lengkapkan diri dan membina kekuatan kerana kegagalan berbuat demikian bagaikan meletakkan senjata kita dan menyerahkan takdir kolektif kita," katanya.

"Kita mesti berusaha bagi pengetahuan teknologi yang lebih lagi, perwakilan yang lebih kukuh dalam fora dan mencari rangka kerja institusi, perundangan, penyeliaan yang sesuai."

Perdana Menteri berkata sementara negara-negara maju terus menggunakan isu "pencabulan hak asasi manusia", G77 dengan tepat mengecam kemiskinan sebagai pencabulan hak asasi manusia yang paling teruk.

"Dan ini tidak didalangi oleh kita," kata Dr Mahathir lagi.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir sekali lagi membidas pilih kasih yang diamalkan oleh negara-negara maju dalam mengejar capaian pasaran yang lebih luas atas alasan globalisasi.

Beliau berkata, walaupun retorik negara-negara maju ialah globalisasi mambawa "kualiti kehidupan lebih baik bagi seluruh umat manusia" dan "hak saksama" sedangkan hakikat sebenar semuanya ialah mengenai wang dan dominasi pasaran.

Isu perwakilan ekonomi-ekonomi membangun di fora antarabangsa perlu ditangani segera walaupun mereka mewakili tiga perempat daripada keanggotaan WTO, mereka tetap terpaksa bergantung kepada ekonomi lebih besar.

Di dunia Internet, negara-negara membangun juga tidak mempunyai perwakilan dalam Internet Assigned Numbers Authority (IANA), katanya.

Perdana Menteri berkata, serangan hebat strategi politik dan ekonomi bagi dominasi ekonomi sangat mengelirukan kerana apa-apa usaha pada pihak

negara-negara membangun untuk memelahankan peliberalan perdagangan secara automatik dilabel sebagai 'halangan kepada perdagangan' atau 'mengherot perdagangan'.

Dr Mahathir berkata, hakikat sebenar ialah terdapat sangat sedikit elemen "pasaran bebas" dalam globalisasi ini kerana ia direkabentuk untuk memenuhi keperluan negara-negara utama, satu proses yang banyak dibantu oleh kuasa politik yang menetapkan syarat-syarat mengikut keperluannya.

Dalam menyatakan contoh pilih kasih di bawah apa yang dikatakan sebagai persaingan adil, beliau berkata WTO meminta semua negara menghentikan daripada mensubsidi petani dan melalui Rang Undang-undang Ladang 1996, Amerika telah mengurangkan bayaran subsidi langsung.

Bagaimanapun, melalui dasar 'Green Box', pengecualian diberikan untuk subsidi pendapatan langsung bagi pengeksport pertanian Amerika Syarikat dengan ia tidak dianggap sebagai subsidi pengeluaran dan oleh itu 'tidak mengherotkan perdagangan'.

"Saya tidak dapat lihat logik persamaan ini, yang dikatakan dibuat atas alasan perdagangan adil, tetapi yang lebih membingungkan ialah prospek satu kenyataan dasar yang mungkin betul secara matematik, tetapi boleh menguburkan lebih awal semua ladang dan petani di seluruh dunia."

Dr Mahathir juga berkata dua pertiga pergerakan antarabangsa dalam barangan dan perkhidmatan sebenarnya berlaku sebagai transaksi dalam firma dan antara firma melalui mekanisme-mekanisme yang tidak sedikitpun menunjukkan persaingan global terbuka. Adakah ini bukan amalan tidak adil?, tanya beliau.

Dr Mahathir berkata, kemiskinan teruk terus melanda satu perlima daripada populasi dunia dan tindakan meminggirkan Afrika sebagai contoh, mesti diperbetulkan.

Walaupun hampir 10 peratus daripada populasi global di situ, ia kini mewakili kurang satu peratus daripada perdagangan global, 0.3 peratus daripada perkilangan global dan 2.4 peratus daripada GDP global yang 40 peratus daripadanya diwakili oleh Afrika Selatan dan Nigeria.

Dr Mahathir berkata Amalan Perkongsian Bestari instrumental dalam memastikan pencapaian sosial kepada pengetahuan.

Dalam semangat inilah Kumpulan 77 di Sidang Kemuncak Selatan di Havana, Cuba, meminta kerjasama Selatan-selatan yang lebih baik dalam bidang teknologi maklumat.

Pertumbuhan e-dagang sementara dijangka mencapai tujuh trilion dolar Amerika menjelang 2004, tetapi ia impian jauh bagi majoriti besar populasi dunia.

Walaupun kadar pertumbuhan 15,000 pengguna Internet setiap hari dan 220 juta peranti mencapai 'world wide web' dengan 200,000 ditambah setiap hari, ia berada ditangan lima peratus daripada populasi dunia, kebanyakannya bertumpu di dunia maju yang dapat mengaut manfaat daripada perkembangan ini.

Bagi permulaan, 20 peratus teratas penduduk dunia mempunyai 74 peratus daripada talian telefon, berbanding 20 peratus di bawah yang hanya mempunyai capaian kepada 1.5 peratus. Untuk berkata yang nisbah ini harus diperbetulkan adalah adalah pernyataan yang tidak lengkap, kata beliau lagi.

-- BERNAMA
SHY PR